



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI**  
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

## **SIARAN MEDIA**

### **PROGRAM PROTEGE-READY TO WORK MEDAC BERJAYA BANTU GRADUAN UNTUK DAPATKAN PEKERJAAN**

---

PUTRAJAYA, 18 Ogos 2020 - Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) merupakan inisiatif penting Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) untuk melaksanakan program meningkatkan potensi kebolehpasaran dan memupuk kemahiran keusahawanan dalam kalangan graduan. Program ini telah dijenamakan semula dari program asal iaitu Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) pada September 2019. Ini adalah selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 melalui Teras 1: Membudayakan Keusahawanan Dalam Segenap Lapisan Masyarakat serta menyokong aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 melalui Teras 5: Memperkukuh Kesejahteraan Sosial.

Objektif utama PROTÉGÉ ialah:

- i. meningkatkan potensi kebolehpasaran graduan bagi mendapatkan peluang pekerjaan; dan
- ii. memupuk kemahiran keusahawanan supaya bidang perniagaan turut menjadi pilihan kerjaya dalam kalangan graduan.

Umum sedia maklum bahawa ekonomi negara sedang dalam fasa pemulihan pasca COVID-19. Pelbagai industri dan individu terkesan dengan pandemik global ini yang menyebabkan kehilangan pekerjaan, punca pendapatan dan sebagainya. Hal ini telah menyumbang kepada kadar pengangguran yang tinggi iaitu 4.9% atau bersamaan 773,200 orang berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) oleh Jabatan Perangkaan pada Jun tahun ini. Meskipun kadar pengangguran dilihat telah menurun sebanyak 0.4% berbanding bulan Mei 2020 iaitu pada 5.3% atau 826,100 orang, namun keadaan ini masih lagi membimbangkan.

Merujuk kepada Statistik Utama Tenaga Buruh, Malaysia Suku Pertama Tahun 2020, golongan belia berumur 15 hingga 30 tahun adalah paling ramai menganggur iaitu pada 6.9%. Dalam usaha menangani isu ini, Kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif dan insentif dalam memastikan kesinambungan sumber pendapatan dan pekerjaan dapat dikekalkan terutama bagi golongan berpendapatan rendah B40. Justeru, sokongan dan komitmen GLC adalah amat dihargai dalam usaha untuk melaksanakan inisiatif penting Kerajaan melalui Program PROTEGE-RTW.

Sehingga kini, sebanyak 25 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), 600 syarikat-syarikat penerima perolehan Kerajaan di bawah arahan Pekeliling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan (PP/PK1.2), 80 syarikat-syarikat swasta dan lain-lain telah mengambil bahagian dan komited melaksanakan program tersebut. MEDAC juga turut bekerjasama dengan 120 Institusi Kewangan melalui Bank Negara Malaysia dan Financial Industry Collective Outreach (FINCO) bagi menempatkan lebih ramai graduan.

Sehubungan dengan itu, MEDAC amat mengalu-alukan penyertaan lebih banyak Syarikat Berkaitan Kerajaan, Kerajaan-Kerajaan Negeri, syarikat swasta dan lain-lain dalam menjayakan agenda penting Kerajaan dalam usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran terutama dalam kalangan graduan.

**DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR**  
**MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**